

# Muzium Dan Agenda *Counter Islamophobia*: Satu Analisis

**\*<sup>1</sup>Ahmad Farid Abd Jalal, <sup>1</sup>Rahimin Affandi Abdul Rahim**

**<sup>2</sup>Muhd Imran Abd Razak, <sup>1</sup>Ahnaf Wafi Alias, <sup>1</sup>Mohamed Yusuf Ahmad Adam  
Broughton**

<sup>1</sup>Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM) 50603 Lembah Pantai,  
Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak 32610  
Seri Iskandar, Perak, Malaysia

\*Email: faqir\_ila\_rabbih@um.edu.my

## ABSTRAK

Masalah terbesar umat Islam semasa adalah membabitkan isu ekstremisme dalam beragama. Sejarahanya bermula apabila berlaku pertembungan nilai antara peradaban Islam dan barat. Barat melihat dunia Islam sebagai pencetus kepada agenda keganasan yang perlu ditentang secara habis-habisan. Tindak balas yang timbul terhadap isu ini menyebabkan lahirnya fenomena Islamofobia. Diakui bahawa masyarakat Islam, khususnya kalangan akademia telah berusaha keras melakukan usaha menjawab ataupun memperbetulkan citra negatif ini. Hal ini dilakukan melalui medium pendidikan dan penyelidikan ilmiah. Artikel ini akan cuba melihat peranan muzium dalam usaha memperbetulkan citra negatif yang dibawa oleh Islamofobia tajaan barat. Fokus utama kajian akan diberikan kepada peranan yang dimainkan oleh Muzium Masjid Sultan Abdullah di Pekan Pahang. Dengan memberikan penekanan terhadap isu-isu berkaitan identiti, agama dan global, muzium ini dilihat mampu menjadi pemangkin dalam menangani persoalan berkaitan salah faham terhadap Islam. Jelaslah bahawa, muzium mampu memainkan peranan penting dalam membersihkan citra negatif Islamofobia melalui pameran yang dijalankan.

**Kata Kunci:** ekstremisme; Islamofobia; Muzium Masjid Sultan Abdullah; membersih citra negatif Islamofobia.

## 1. PENGENALAN

Masalah terbesar umat Islam semasa adalah membabitkan isu ekstremism agama. Sebagai chain reaction kepada isu ini menyebabkan lahirnya fenomena Islamophobia (Abd Rahim, 2018). Diakui bahawa masyarakat Islam, khususnya kalangan akademia telah berusaha keras melakukan usaha menjawab (kounter) ataupun memperbetulkan citra negatif ini. Hal ini dilakukan melalui medium pendidikan dan penyelidikan ilmiah. Artikel ini akan cuba melihat peranan muzium Islam di dalam usaha memperbetulkan citra negatif yang dibawa oleh Islamophobia tajaan media barat. Untuk tujuan spesifikasi, fokus utama akan diberikan kepada peranan yang diusahakan oleh Muzium-Masjib Sultan Abdullah di Pekan Pahang (Abd Jalal, 2019).

## 2. ISLAMOPHOBIA

Islamophobia adalah merujuk kepada rasa fobia (kebimbangan) terhadap Islam sama ada pada penganutnya, ajarannya, budayanya dan apa sahaja yang berkaitan dengan Islam. Menurut Pelapor Khas PBB, Islamophobia bermakna: suatu permusuhan dan ketakutan tidak berasas terhadap Islam dan akibat ketakutan atau kebencian pada orang Islam atau majoriti daripada mereka (Denien, 2006). Takrif yang sama diberikan oleh

Laporan Commission on British Muslims and Islamophobia yang menyatakan bahawa ianya merujuk kepada *dread or hatred of Islam and, therefore, to fear or dislike all or most Muslims atau irrational fear of Islam or anti-Muslim racism and continuation of anti-Asian and anti-Arab racism* (Instead, 2004).

Jadi, dapat disimpulkan bahawa Islamophobia ini merujuk kepada persepsi negatif terhadap Islam dalam bentuk diskriminasi pelbagai yang dimotivasikan oleh ketakutan dan kebimbangan terhadap Islam atau umat Islam. Persepsi negatif yang terbina akibat fobia terhadap Islam ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek dan ini merangkumi pandangan serong terhadap undang-undang, nilai-nilai dan budaya yang dibawa oleh Islam. Persepsi negatif ini disahkan dengan Laporan Runnymede di London bertajuk Islamophobia: A Challenge for Us' All menyatakan bahawa (The Runnymede Trust, 2011);

*Islam is perceived as a monolithic block, static and unresponsive to change; it is viewed as separate and "other"; it does not have values in common with other cultures, is not affected by them and does not influence them. Islam is seen as inferior to the West; it is considered barbaric, irrational, primitive and sexist; Islam is seen as violent, aggressive, threatening, and supportive of terrorism and engaged in a "clash of civilizations."*

Rumusan yang dibuat Runnymede ini mengesahkan bahawa Islam telah disalahfahami secara serius oleh ramai pihak terutamanya masyarakat bukan Islam di barat. Sehubungan dengan itu, persepsi yang salah ini perlu diperbetulkan segera bagi memastikan Islam yang menjadi rahmat sekalian alam ini difahami atau tidak disalah tanggapi. Sesungguhnya, tanggungjawab ini mestilah dipikul oleh setiap individu Muslim termasuk institusi-institusi, badan-badan dan pertubuhan Islam.

Istilah Islamophobia ini telah dikesan penggunaannya di Perancis oleh Etienne Dinet dan Slima Ben Ibrahim pada 1925 di dalam bukunya "Acces De Delire Islamophobe". Namun begitu, istilah ini tidak popular dan ianya juga sama sekali tidak menjadi isu pada waktu itu. Di Amerika, Islamophobia ini muncul pada 1991 melalui artikel dalam majalah *Insight*, namun masyarakat tidak ambil kisah dan tidak memberikan apa-apa reaksi terhadap fenomena Islamophobia ini (Allen, 2001). Akhirnya istilah Islamophobia ini semakin popular dan mencapai kemuncak penggunaannya selepas 11 September 2001 diikuti dengan pengeboman di Madrid pada 11 Mac 2004 dan pengeboman di London pada 7 Julai 2005.

Sebagai premis asas, kita dapat mengemukakan teori yang berkait dengan fenomena Islamophobia. Islamophobia adalah *chain reaction* (tindak balas yang timbul) daripada pertentangan antara world-view barat dan Islam. Mengikut Shahrir Mohd Zin (2013), world-view barat adalah bersifat dikotomi dalam melihat sesuatu perkara. Sistem mantiqnya juga bersifat dikotomi (mantik dua-nilai, Ya atau Tak sahaja). Sejak awal pertembungan masyarakat barat dengan dunia luar, bermula daripada proses kolonialisme dan seterusnya globalisasi, world-view barat memang berbentuk perkauman. Mereka menganggap diri mereka lebih baik daripada segi warna kulit, kepandaian dan sistem moral. Atas dasar itu mereka memandang dunia lain khusus masyarakat Islam, mengikut pandangan Edward Said dalam bentuk *Binari* (kita lebih baik daripada mereka).

World-view ini telah melahirkan orientalism-kolonialisme yang menjajah dan menjarah hasil bumi masyarakat bukan barat. Lebih buruk lagi, penjajahan mereka dianggap sebagai tugas mulia untuk mentamadunkan masyarakat tanah jajahan. Selepas berlakunya peristiwa 11/9, sifat dikotomi (perbezaan kita dan mereka) telah muncul kembali di atas nama *New Orientalism* (Kerboua, 2016). Fungsi dan sifatnya tetap sama. Mereka tetap tidak ingin mereview kembali kesilapan mereka terhadap masyarakat lain. Sebaliknya mereka memberi respon kepada peristiwa 11/9 dengan mencetuskan fenomena

Islamophobia. Tindakan ini dilihat bukan cuba menghentikan bahkan semakin mengapi-apikan lagi kebencian terhadap Islam.

Di pihak kelompok Islam, a-Qaeda yang mencetuskan peristiwa 11/9, mereka juga melakukan kesalahan dikotomi ini. Tanpa menggunakan perkiraan wasatiah dan strategik ( konsep maqasid syariah), mereka melihat dunia barat secara ekstrem sebagai induk segala bentuk kezaliman. Berpandukan konsep jihad yang kabur mereka melakukan kezaliman melalui peristiwa 11/9. Tindakan mereka ini langsung tidak mempertimbangkan impak buruk yang bakal terkena kepada Islam dan masyarakat Islam di barat.

### 3. MUZIUM

Muzium adalah institusi khusus bagi mengekalkan warisan sejarah yang boleh dibanggakan dalam sesuatu masyarakat. Warisan ini bukan setakat untuk ditonton bahkan juga bakal dijadikan medium utama untuk tujuan pendidikan *Nation Building* yang mencerminkan jati diri sesuatu bangsa (Ahmad, 2015). Ia diperkenalkan pertama kalinya oleh penjajah british di Tanah Melayu (Dellios, 1999). Sesuai dengan pandangan Saidina Ali Bin Abi Talib bahawa hikmah atau falsafah adalah sesuatu yang hilang daripada umat islam. Andainya ia ditemui, ia harus dikekalkan untuk manafaat umat islam. Jadi, dalam konsteks institusi muzium ini, walaupun ia milik penjajah british, tetapi ianya patut diterimapakai oleh umat islam kerana terlalu banyak manafaat yang terkandung di dalamnya.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, institusi muzium ini berserta dengan semangat dan metodologi telah dikekalkan. Ia dapat dianggap sangat menguntungkan kerana memiliki falsafah intelektual yang amat dinamik. Hal ini dapat daripada beberapa sudut utama. Pertama, wujudnya ICOM (International Council of Museum) yang menaungi kesemua muzium di seluruh dunia - samada di negara maju, sedang membangun dan mundur. ICOM ini bertindak sebagai Badan induk yang memperkenalkan pelbagai program penambahbaikan muzium yang sepatutnya. Ia mengambilkira aspirasi kesemua negara ahli. Kedua, ICOM telah membawa falsafah new muzium yang dilihat mampu memperbetulkan kesalahan konsep muzium silam yang lebih berorientasikan kepentingan penjajah (Hooper-Greenhill, 2000).

Muzium diakui menjadi institusi terpenting yang memainkan peranan mengumpul, menjaga, merawat, mempamerkan warisan tangible dan intangible sejarah sesuatu bangsa. Ia sangat berguna untuk tujuan mengilmu dan mendidik anggota masyarakat tentang peri pentingnya warisan sejarah sesuatu bangsa. Atas dasar itu, persatuan Muzium-Muzium sedunia telah menjadikan agenda pembangunan dan pendidikan masyarakat sebagai matlamat terpenting (Kechot, 2012: 35-46).

Kewujudan muzium merupakan salah satu usaha ke arah mengekalkan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa kita. Koleksi-koleksi yang bernilai ini merupakan bukti sesuatu peristiwa atau sejarah lampau yang telah berlaku di negara kita. Muzium memainkan peranan yang sangat penting sebagai pusat rujukan dan penyelidikan. Pelbagai kajian dan penulisan di dokumentasikan bagi tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat agar mengenali dan mengetahui jati diri bangsa.

#### 4. MUZIUUM MODEN DAN KESEDARAN MENJAWAB CITRA NEGATIF YANG DIBAWA OLEH FENOMENA ISLAMOPHOBIA

Selepas merdeka, khususnya di tahun-tahun 1990an ke atas, telah muncul kesedaran muzium Islam di kalangan penganut Islam. Ia secara langsung terpengaruh dengan dengan perkembangan new muzium di peringkat antarabangsa. Ia bermula dengan;

##### i. Pameran berkaitan subjek dan artifak keagamaan

Usaha ini telah dilakukan oleh British museum dan muzium Volkenkunde (Ilgen, 2013). Ia membabitkan agama Kristian, budhha dan Islam. Bagi agama Islam, ia membabitkan pameran yang berkaitan institusi haji (Steph, 2015). Pameran Haji ini dilakukan pada 26/1/2012 hingga 15/4/2012 oleh The British Museum dengan kerjasama the King Abdulaziz Public Library Riyadh Saudi Arabia.

##### ii. Pameran kesenian dan tamadun Islam

Mengikut Melissa Mary Forstrom, antara pameran dan galeri kesenian Islam ini adalah (Forstrom, 2017);

*Pertama*, Temporary Islamic Art Exhibitions membabitkan Metropolitan Museum of Art New York:

- 1001 Inventions: Discover the Muslim Heritage in Our World, New York Hall of Science (traveling etidak ihibition) (7 December 2010-24 April 2011)
- Three Faiths at the New York Public Library (22 October 2010-27 February 2011)
- Change: Architecture and Engineering in the Middle East 2000- present, Center for Architecture (22 February-23 June 2012)
- Crossing Borders: Manuscripts from the Bodleian Libraries, The Jewish Museum, New York, NY (14 September 2012-3 February 2013)
- Doris Duke's Shangri La: Architecture, Landscape and Islamic Art, Museum of Art and Design, New York, NY (7 September 2012-6 January 2013)
- Byzantium and Islam: Age of Transition, Metropolitan Museum of Art, New York, NY (14 March-8 July 2012)
- Treasures of Islamic Manuscript Painting from the Morgan, The Morgan Library and Museum (21 October 2011-29 January 2012)
- Iran Modern, Asia Society, New York, NY (6 September 2013-5 January 2014)
- America to Zanzibar, The Children's Museum of Manhattan, NY, NY (13 February 2016-present)

*Kedua*, pameran membabitkan British Museum, British library dan Victoria & Albert Museum, London.

- Sacred, The British Library, London, UK (April-September 2007)
- Arabick Roots, The Royal Society, London, UK (9 June-11 November 2011)
- Hajj: Journey to the Heart of Islam at the British Museum, London, UK (26 January-15 April 2012)
- The Horse from Arabia to Royal Ascot, British Museum, London, UK (24 May-30 September 2012)
- Light from the Middle East, V&A, London, UK (13 November 2012-7 April 2013)
- Mughal India, The British Library, London, UK (9 November-2 April 2013)
- Pearls, Victoria & Albert Museum, London, UK (21 September 2013-19 January 2014)
- Jameel Prize 3, Victoria & Albert Museum, London, UK (biennial) (2014, 2012, 2010)

Dalam kedua bentuk pameran ini, ia telah mendapat sambutan yang baik daripada kalangan pengunjung barat. Untuk pameran haji di bawah british museum, kuratornya iaitu Venetia Porter menegaskan ia sebagai usaha memahami Islam dengan sudut yang berbeza, memandangkan masyarakat barat sebelum ini terlalu didedahkan melalui media dengan pandangan negative tentang Islam. Ia sebagai usaha memperbetulkan sudut pandang negative ini (Mederer et. al, 2019). Hal yang sama disuarakan oleh curator muzium Volkenkunde yang mahu menonjolkan Islam secara neutral dan objektif tanpa sebarang bias yang berat sebelah.

Bagi pameran kesenian Islam pula, ia semakin kerap dilakukan selepas peristiwa 9/11. Memang terdapat beberapa usaha positif yang dilakukan oleh pengiat muzium antarabangsa untuk menolak sifat Islamophobia yang dikaitkan dengan Islam (Forstrom, 2017). Mereka telah mempergunakan galeri kesenian Islam untuk tujuan ini. Mengikut curator muzium moden, setiap maklumat untuk galeri Islam yang dipamerkan perlu disertakan dengan penerangan tentang siapa, untuk apa, daripada mana dan terpenting sekali falsafah ia dihasilkan (Ryan, 2015). Apa yang jelasnya, mereka telah mempergunakan karya seni Islam dalam bentuk dan bahasa yang bebas daripada pengaruh politik yang rata-ratanya anti Islam.

Dalam setiap galeri ini, antara lainnya mereka berjaya menonjolkan sifat ajaran Islam sejati yang berbentuk rahmah, wasatiyyah, Tauhid dan Maslahah berasaskan bukti sejarah dalam bentuk tangible dan intangible. Antara bukti ini adalah teks manuskript klasik, hasil seni dan artifak sains yang membuktikan sumbangan Islam kepada tamadun dunia (Abdul Jalal, 2019). Mereka memahami bahawa seni Islam adalah karya insani yang mengungkapkan keindahan dalam dua bentuk. *Pertama* mengekspresikan intuisi dan imajinasi seniman Islam. *Kedua* merefleksikan pandangan dunia (world-view Islam) yang lebih holistic. Hal ini ditegaskan oleh Will Durant: *“Islamic art overrode all limites of place and time, laughed at distinctions of race and blood, developed a unique and yet varied character, and etidak pressed the human spirit with a profuse delicacy never surpassed”* (Durant, 1950).

Dalam bahasa lainnya, proses penciptaan seni Islam itu sendiri adalah sebahagian daripada proses pengabdian atau ibadah kepada Allah ; Di dalam setiap proses penciptaan seni Islam mengandungi unsur-unsur pengagungan (*takbīr*), pemujian (*tahmīd*), dan penyucian (*tasybīh*) kepada Allah dan penghormatan (*salawāt*) untuk Rasulullah serta penyebaran perdamaian (*salām*) bagi seluruh mahluk-Nya (Santoso, 2018: 271-306). Dengan kata lain, dalam proses penciptaannya, seni Islam mengandungi nilai (*tazkiyah*) sebuah upaya pembersihan spiritual, yang merupakan intipati dari ibadah itu sendiri (Mahzar, 1993).

Lanjutan daripada usaha muzium barat ini telah menyebabkan lahirnya sejumlah muzium Islam samada di negara umat Islam ataupun di negara barat. Antaranya yang terkenal adalah Aga Khan Muzium, Museum of Islamic Art Dhoha di Qatar, Islamic Antiquities Museum of Kuwait, Islamic Museum of Tripoli, Istanbul Museum of the History of Science and Technology in Islam, Museum of Islamic Art (MIA) di Kaherah, The Sharjah Museum of Islamic Civilization di United Arab Emirates, The Turkish and Islamic Arts Museum, Museum Istiqlal Indonesia dan muzium kesenian Islam Malaysia.

## **5.0 MMSAPP (MUZIUM-MASJIB SULTAN ABDULLAH PEKAN PAHANG) MEMAINKAN PERANAN MEMPERBETULKAN FENOMENA ISLAMOPHOBIA**

Dengan mengambil semangat apa yang dilakukan oleh muzium barat di atas, kita bakal melihat apa yang telah diusahakan setakat ini oleh MMSAPP.

## 5.1 MMSAPP

Muzium Negeri Pahang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1975 melalui Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pahang Bil. 1/1975. Pada 21 Oktober 1976, Istana Kota Beram terletak di Bandar Diraja Pekan secara rasminya telah dijadikan Muzium Negeri Pahang dengan nama Muzium Sultan Abu Bakar. Pada tahun 2007, Muzium Negeri Pahang yang mengandungi lima galeri utama telah mengalami bukan sahaja proses transformasi inovatif tetapi juga telah mengharungi arus pembangunan yang pesat yang sewajarnya diberi penumpuan yang khusus. Transformasi tersebut juga melibatkan penghijrahan konsep Muzium Negeri Pahang daripada konsep tradisional kepada konsep muzium dalam taman; "*The Intellectual Garden*" sinonim dengan perkataan German, *freiraum* yang bermaksud ruang yang luas untuk fikiran yang terbuka, idea, imaginasi dan kreativiti yang membawa kepada keyakinan, wawasan serta penyebaran dan perkongsian ilmu. Ini bermakna konsep baru yang diterapkan oleh muzium menekankan dengan jelas tiga era trajektori Pahang; sebelum, semasa dan selepas penjajahan. Apa yang lebih penting lagi, rangka kerja ini memberi panduan kepada pembinaan muzium yang komprehensif dengan memberikan penekanan kepada identiti, agama dan isu global yang menjadikannya unik dan kontemporari.

Pada 21 Oktober 2016, Muzium Masjid Sultan Abdullah; salah satu komponen utama dalam Perbadanan Muzium Negeri Pahang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Musta'in Billah. Selain mengekalkan struktur dan fungsi masjid yang sedia ada, Muzium Masjid Sultan Abdullah turut mempamerkan koleksi-koleksi sumbangan Islam dalam membina tamadun bangsa termasuklah manuskrip-manuskrip berharga seperti kepelbagaian jenis al-Quran, kitab-kitab pengajian agama Islam dan Hukum Kanun Pahang. Muzium Negeri Pahang juga menyimpan 178 buah manuskrip dalam genre yang pelbagai seperti Hikayat Pahang, Himpunan Cerita Sejarah, surat-surat raja, pembesar-pembesar Melayu, teks titah ucapan diraja, catatan Sir Frank Swettenham, Diari Hugh Clifford dan surat pemberitahuan pihak kerajaan British yang ditulis menggunakan tulisan jawi. Muzium Masjid ini juga berfungsi sebagai pusat pengumpulan maklumat dan menjadi akses penting kepada masyarakat khususnya bagi non-Muslim untuk mengetahui tentang Islam dengan lebih dekat dan menyeluruh.

Bagi memenuhi fungsi barunya, Muzium-Masjid, ia telah dibahagikan kepada dua ruang iaitu, ruang pameran dan ruang solat (Iqbal, 2015). Tidak terdapat perubahan besar yang dilakukan kecuali menukarkan kemasam lantai kepada marmar putih bagi menggantikan lantai sedia ada yang rosak teruk. Bagi memenuhi fungsinya sebagai muzium, masjid ini telah dipasang dengan siling kapur pada keseluruhan bahagian dalamnya dan panel gelas bagi menutupi semua ruang terbuka untuk tujuan penghawa dingin. Ini penting untuk keselamatan dan mengelakkan kerosakan kepada artifak yang dipamerkan terutamanya artifak-artifak yang mudah terkesan kepada perubahan suhu seperti tekstil dan manuskrip.

Keluasan seluruh kawasan masjid juga telah bertambah daripada 0.469 ekar kepada 2.632 ekar termasuk menutup jalan untuk menuju ke Pekan Lama. Pertambahan keluasan kawasan ini amat penting bagi menyediakan taman awam yang lebih selesa kepada para pelawat. Seni taman ini juga mengambil beberapa ciri utama dalam seni taman Islam seperti unsur air dan pokok-pokok.

Pada fasa berikutnya, Muzium Negeri Pahang bercadang untuk membina beberapa buah arca sebagai tarikan tambahan kepada pelawat dan annetidak sebagai tambahan kepada ruang pameran serta untuk aktiviti seperti kelas pengajian Al-Quran dan mempelajari seni Khat. Muzium-Masjid ini mempunyai keunikan yang tersendiri dengan konsep taman terbuka (*The Intelektual Garden*) kesinambungan daripada Muzium Sultan Abu Bakar, selain menggabungkan fungsi masjid dan muzium dalam satu masa yang sama. Keindahan Muzium Masjid Sultan Abdullah ini terserlah dengan gabungan warna putih, seni

bina Moorish dan binaan kolam yang memanjang di hadapannya. Ia seolah-olah miniature Taj-Mahal yang terkenal di Delhi, India. Muzium Masjid Sultan Abdullah adalah lambang tertegaknya syiar dan kegemilangan Islam di Pahang selain daripada menjadi mercu tanda dan tarikan kepada industri pelancongan.

## 5.2 MMSAPP Dan Usaha Menaja Penyelidikan Ilmiah

Muzium Negeri Pahang berusaha menerapkan falsafah New Museum dalam setiap setup fizikal dan koleksi yang dimiliki (Abd Jalal, 2019: 93-111). Falsafah ini antara lain menekankan aspek pendidikan kepada masyarakat, menjadi pusat ilmu dan perlu terlibat secara aktif dalam mewujudkan pencerahan serta pemikiran kritis yang kondusif dengan realiti zaman global (Cleary, 2006). Atas dasar itu, Muzium Negeri Pahang menetapkan bahawa dalam setiap galeri dan koleksi artifaknya perlu ditunjangi dengan penyelidikan ilmiah.

Polisi ini telah dilakukan dengan menaja tiga penyelidikan yang dilakukan oleh serangkaian penyelidik Institusi Pengajian Tinggi Awam. Ketiga projek ini adalah;

1. Merekonstruksi sejarah Islam pahang.
2. Ilmu kolonial Dan Impaknya Pada Masyarakat Melayu.
3. Tulisan Jawi: Karya Intelektual Melayu.

Hasil kajian penyelidikan ini telah diterbitkan ataupun dibentangkan dalam beberapa penerbitan dan seminar yang khusus. Lebih penting lagi, hasil dapatan kajian ini dipergunakan untuk melengkapkan koleksi maklumat dan literature untuk ketiga-tiga tema pameran. Selain itu, pihak muzium Negeri Pahang telah mengadakan beberapa siri Kolokium Islam Pahang yang dibuat dalam bentuk wacana ilmiah dan pembentangan kertas kerja oleh sejumlah penyelidik Institusi Pengajian Tinggi Awam. Hasil kajian ini telah dikumpulkan untuk dijadikan bahan sokongan untuk setiap galeri Islam. Contohnya, pada 27hb April 2017 Kolokium Islam Pahang telah diadakan. Ia menggunakan tema *Tarikh 1874 Dan Pengaruh Ilmu Kolonial di Tanah Melayu*. Hasil dapatan kajian ini kemudiannya menghasilkan bahan utama untuk pameran kolonial ini.

## 5.3 MMSAPP dan Usaha Kounter Islamophobia

Untuk peringkat awal ini, pihak MMSAPP lebih memberikan keutamaan untuk usaha menjawab hujah sarjana kolonial klasik. Hal ini dibuat memandangkan Islamophobia alaf baru memang diasaskan oleh kuasa kolonial British yang menjajah Tanah Melayu di abad 17-19 (1874-1957) lagi (Abdul Rahim et. al, 2018: 62-78). Untuk langkah seterusnya, memang pihak MMSAPP berhasrat menumpukan isu Islamophobia moden seperti mana diusahakan oleh British muzium.

## 6.0 PENOLAKAN TEORI ISLAMOPHOBIA ASAS YANG DIUTARAKAN OLEH SARJANA COLONIAL

### 6.1 Teori Bukti Kewujudan Tamadun Berasaskan Penemuan Artifak.

Teori ini yang berasaskan falsafah *logico positiveism*, menegaskan wujud atau tidak sesuatu tamadun di sesuatu kawasan perlu dibuktikan dengan kewujudan artifak atau manuskrip sejarah yang mewakili sesuatu masyarakat terbabit. Andainya tidak ditemui sesuatu bukti material ataupun bahan yang ditemui itu terlalu ringkas, mereka akan mengambil sikap simplistik dengan mengatakan perkembangan ilmu dan tamadun Islam sebagai tidak ada. Maksudnya, bagi mereka wujud ataupun tidak sesuatu tamadun material dan intelektual bagi sesuatu masyarakat atau kerajaan bergantung sepenuhnya kepada

adanya atau ditemui artifak yang mengandungi maklumat tentang tamadun tersebut. Begitu juga, artifak yang ditemui itu perlulah lengkap dan tidak samar-samar (Abdul Rahim, 2011).

Jadi, apabila didakwa tidak kedapatan artifak atau manuskript tentang Islam dan masyarakat Pahang, maka Pahang sebelum kedatangan british, dianggap tidak mempunyai sejarah. Ia berada dalam keadaan huru hara tanpa sistem kerajaan khusus (Dolah, 1983). Lagipun british tidak menerima sumber sejarah tempatan yang menggambarkan tentang masyarakat Pahang, semuanya dikatakan penuh mitos yang tidak boleh dipercayai (Othman, 2008: 91-110).

### 6.1.1 Jawapan;

Teori tersebut terjawab melalui beberapa perkara;

*Pertama*, sumber sejarah terdiri daripada pelbagai bentuk. Ia bukan setakat artifak material seperti difahami oleh sejarawan British. Muhammad Arkoun menegaskan bahawa selain daripada bukti material, realiti budaya masyarakat Islam sebagai *living evidence* juga patut diambilkira apabila mengkaji tentang sesuatu tamadun dan pengamalan konsep Islam. Maknanya, walaupun tidak ditemui bukti arifak (tangible), tetapi fakta sejarah boleh diketahui daripada *Living Tradition* (tradisi zaman berzaman yang hidup dan boleh dikesan hasilnya hingga pada masa sekarang). Contohnya tradisi pengamalan Islam yang kuat dipegang oleh masyarakat Pahang.

Lagipun terdapat sumber sejarah tempatan tentang sejarah Pahang yang tidak ditemui oleh sarjana british. Contohnya tentang sejarah kedatangan golongan syed mmyebarkan Islam di Pahang. Ia termasuk juga sejarah pembukaan kawasan di Pahang oleh golongan yang berhijrah ke Pahang ( kes pembukaan kawasan Raub di Pahang).

*Kedua*, Kajian di bawah tajaan Muzium Negeri Pahang secara jelas berjaya membuktikan bahawa Pahang telah menerima Islam lebih awal berbanding Melaka (1414M) dan Terengganu (1303M). Antara bukti-bukti ini adalah:

1. Penemuan Batu Nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan bertarikh 1028 Masihi. Batu nisan ini mirip seperti batu nisan yang dijumpai di Perlak dan Pasai yang mengalami proses Islamisasi awal dalam sejarah Alam Melayu. Bukti ini menunjukkan Pahang adalah salah satu negeri Pantai Timur yang menjadi tempat terawal menerima proses Islamisasi lebih awal daripada melalui Kesultanan Melayu Melaka. Lebih jauh lagi, kawasan Timur Laut (Pahang dan Terengganu) ini mempunyai sejarah penyebaran Islam daripada Tanah Arab yang agak panjang. Ia telah menjadi pelabuhan dan persinggahan pedagang asing, khususnya saudagar Arab dan Parsi yang sama tarikhnya dengan kawasan pantai barat Tanah Melayu (Abdullah, 1990).
2. Penemuan artifak arkeologi di Pulau Tioman - kawasan pelabuhan yang maju satu ketika dahulu dalam rangkaian jalan perdagangan antarabgsa antara Cina dan India dengan Timur Tengah.
3. Kawasan pahang telah dijadikan tumpuan pelarian Ahl Bayt (keturunan keluarga nabi) daripada Timur Tengah. Ia menjadi penyebab utama kenapa golongan keturunan Syed agak ramai, yang boleh dikesan di beberapa penempatan di pahang. Golongan ini agak penting kerana mereka dianggap sebagai pendakwah pakar yang bertanggungjawab menyebarkan Islam ke seluruh rantau Alam Melayu (Yahya & Halimi, 1993).



## 6.2 Teori Orang Melayu Bangsa Yang Tidak Bertamadun.

Bagi sarjana colonial orang Melayu adalah bangsa primitif yang tiada identiti diri (tidak mampu mendefinisikan diri mereka yang membezakan dengan etnik lain). Hanya dengan bantuan british yang mampu memperkenalkan atau membezakan orang Melayu dengan etnik lain. Orang Melayu dipersembahkan kepada masyarakat dunia melalui pameran di muzium british.

Dalam paparan sarjana kolonial, orang Melayu digambarkan sebagai bangsa yang simple, primitif dan *irrasional*, tetapi bersifat eksotik dan memukau. Watak orang Melayu disifatkan malas, fatalis, berpuashati dengan apa yang dimiliki dan berlaku kerana factor genetic yang rendah. Sifat utama kajian-kajian ini mendedahkan dan menyebarkan propaganda kononnya masyarakat Melayu adalah bersifat negatif seperti malas (Wright & Reid, 1912), suka berpoya-poya (Eredia, 1930: 31), keras kepala (Raffles, 1930: 91, 288-289), tidak boleh diharap (Richmond, 1928), suka berhutang (Swettenham, 1895) dan sebagainya.

### 6.2.1 Jawapan;

Pandangan negative tentang orang Melayu ini mampu di jawab dengan beberapa penerangan;

*Pertama*, jauh sebelum british datang, masyarakat dunia (Yunani, Arab, Cina dan Indonesia) memang telah mengenali kawasan dan masyarakat Islam Pahang. Terbukti dengan penemuan catatan penjelajah Yunani dan Cina tentang peta kawasan Pahang (sebagai kerajaan Melayu tertua) di dunia. Sejarah mencatatkan, Pada abad 16-18 M, pelayar daripada Andalusia yang sampai ke Alam Melayu telah mencatat serba serbi tentang masyarakat Alam Melayu. Hal ini terbukti dengan wujudnya tulisan awal tentang Alam Melayu. Ia digambarkan sebagai kawasan yang subur dan penuh dengan galian berharga.

Selepas kejatuhan Andalusia dan berlakunya perkembangan falsafah Renaissance, catatan awal ini diperolahi oleh bangsa portugis dan sepanyol yang melancarkan pengembaraan dakwah dan perdagangan ke Alam Melayu. Hubungan bangsa Eropah awal ini dengan masyarakat Alam Melayu adalah agak tegang dan tiada pertembungan budaya dan intelektual positif yang berlaku (Harun, 2004).

*Kedua*, sarjana antropologi barat menyatakan bahawa tamadun hanya wujud apabila adanya sistem tulisan dan karya intelektual. Keduanya menyebabkan sesuatu masyarakat mampu mencatat dan mendefinisikan diri mereka berbanding dengan masyarakat lain. Memang terbukti masyarakat Melayu Pahang mempunyai sistem tulisan yang digunakan untuk menulis pelbagai manuskript ilmu. Bukti terpentingnya adalah dengan wujudnya manuskript Hukum Kanun Pahang. Ia secara langsung membuktikan telahpun wujud kerajaan Islam yang melaksanakan undang-undang Islam di Pahang (Alias, 2018: 215-230).

## 6.3 Teori Oriental Despotism Dan Kegagalan Islam Di Alam Melayu.

Teori *Oriental Despotism* (Turner, 1984) adalah merujuk kepada wujudnya keadaan huruhara, tiada peraturan dan penindasan masyarakat yang dilakukan oleh raja-raja Melayu. Raffles (1811), pengasas kajian Melayu yang awal menegaskan bahawa penindasan ini memang dilakukan oleh raja dalam kerajaan Islam di dunia lain.

Orang Melayu dikatakan menjadi mangsa kezaliman raja. Punca utama adalah raja-raja Islam yang menafikan hak pemilikan milik orang Melayu (Raffles, 1814). Ini diasaskan oleh falsafah evolusi ciptaan Charles Darwin (Dennett, 1995) yang memberi justifikasi pada

pihak kolonial British untuk mentamadunkan orang melayu daripada kebodohan sendiri dan kezaliman raja-raja melayu. keadaan huruhara, tiada peraturan dan penindasan masyarakat yang dilakukan oleh raja-raja Melayu. Dakwa Raffles lagi, penindasan ini memang dilakukan oleh raja dalam kerajaan Islam di dunia lain (Raffles To Minto, 1811). Sarjana pentadbir kolonial memberikan pandangan negatif tentang Islam. Mereka mengaitkan kemunduran orang melayu kerana faktor Islam;

- i. Islam menghapuskan semua ilmu sains dan sastera Melayu yang pernah wujud sebelum proses Islamisasi. Sebaliknya karya Melayu selepas Islam diisi dengan naratif raja Islam Timur Tengah dan ilmu agama (Raffles, t.t.) Ini menjadikan masyarakat Melayu kekeringan idea tentang konsep seni sejati. (*historical and dry compositions of the head*) (Raffles, 1815). Lebih teruk lagi, Islam telah menghapuskan pencapaian sastera dan seni artifak yang terbina di zaman hindu (Raffles, t.t.).
- ii. Islam dijadikan lawan kepada tamadun kristian dan hindu budhha. Segala bentuk kejahatan dikaitkan dengan Islam, manakala semua bentuk kebaikan dikaitkan dengan barat dan hindu budhha (Raffles, 1819). Berbeza dengan Islam, dalam hinduism telah lahir masyarakat berkasta yang damai yang diperlukan oleh british (Raffles, 1815).

### 6.3.1 Jawapan;

Kesemua teori negatif sarjana kolonial ini mampu dijawab melalui hasil dapatan tajaan Muzium pahang. Projek kajian ini bertajuk *ilmu kolonial dan impaknya kepada masyarakat Melayu*. Antara lainnya, jawapan ini;

*Pertama*, pihak British bersikap double standard dalam menerangkan tentang realiti Oriental Despotic ini. Mereka tidak pernah memberi komentar yang positif pada orang melayu kecuali pada raja melayu yang menyokong mereka. Ringkasnya, walaupun mereka menyatakan sifat buruk orang melayu tapi ia tidak dikaitkan dengan sistem raja melayu zalim yang disokong mereka.

Menyentuh isu Oriental Despotism, dalam sejarah dunia mencatatkan bahawa kezaliman raja tidak terhad kepada bangsa timur semata-mata, bahkan ia berlaku lebih buruk lagi di eropah. Beberapa persoalan perlu dipersoalkan (Dolah, 1983);

1. Kenapa pihak kolonial British sering menjadi orang tengah dalam pergaduhan raja-raja melayu yang berakhir dengan pemilihan raja yang menyokong mereka. Ia berlaku dalam kes perebutan kuasa di perak.
2. Kenapa pihak kolonial British mencipta pelbagai helah untuk campurtangan di sesebuah negeri Melayu seperti kes negeri pahang.
3. Mereka menerangkan tentang nasib orang melayu yang ditindas oleh raja. Tetapi kenapa mereka sendiri menaja, membela dan mengangkat kelas raja melayu yang menindas rakyat.
4. Mereka enggan memahami bahawa penentangan rakyat pada pihak kolonial British adalah kerana masyarakat Melayu dan ulama enggan menyetujui dengan dasar penjajahan pihak kolonial British.

*Kedua*, paparan negative sarjana british tentang Islam bersifat bias kerana ia didorong oleh anti Islam yang didorong oleh semangat perang salib yang berkembang di eropah pada abad 16-18 dan menyampai puncaknya di abad 19 apabila penjajahan berlaku (Zarkasyi, 2011): 1-27).

*Ketiga*, kepalsuan teori sarjana colonial ini terbukti salah dengan wujudnya tamadun kesultanan Pahang yang melaksanakan hukum Islam dan pelbagai syiar Islam di Pahang.

Bukti ini boleh didapati dengan mengkaji manuscript Hukum Kanun Pahang yang ada di Muzium Islam Pahang.

#### 6.4 Islam Menjadi Penyebab Masyarakat Melayu Membenci Kuasa Eropah

Konsep ummah berasaskan ikatan agama Islam seperti mana dipegang sebelum kedatangan British diubah menjadi konsep bangsa Melayu mengikut kerangka Nation State. Hal ini dimasukkan dalam kurikulum buku teks Melayu yang diajar di sekolah Melayu. Ia terdiri daripada (Naoki, 2001: 128-230);

- i. Kawasan sempadan tertentu mengikut konsep British dengan suatu peta khusus. Tanpa disedari oleh orang Melayu, Peta Tanah Melayu yang diperkenalkan ini disesuaikan dengan kehendak dan empayar milik British di Alam Melayu.
- ii. Ketaatan hanya perlu diberikan kepada raja di tempat sendiri.
- iii. Ras melayu khusus dan menggunakan bahasa Melayu. Hal ini diterapkan dalam usaha banci penduduk yang dijalankan. Hasil bancian ini diklasifikasikan masyarakat mengikut kehendak British sepenuhnya. Setiap ras ini dibezakan mengikut tempat tinggal, pekerjaan, sistem pendidikan. Mereka tidak mahu ras-ras ini berinteraksi dengan baik sehingga bersepakat melawan British.
- iv. Ras bukan Melayu seperti cina dan India akan dibiarkan mengamalkan budaya sendiri dan tidak menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal, tetapi sebagai tempat mereka berkerja semata-mata.

Secara halus ikatan perpaduan ummah Melayu-Islam dihancurkan. Raffles sebagai pengasas ilmu kolonial telah memberikan takrifan konsep Melayu mengikut *world-view* Barat yang berasaskan konsep Nation State Eropah. Lebih penting lagi, ianya dibuat berasaskan kepentingan kuasa penjajah Barat yang cuba memecah belahkan kawasan Alam Melayu mengikut pembahagian kawasan jajahan takluk British dan Belanda seperti mana termaktub dalam perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824.

Status Melayu dan daerah dunia Melayu dihadkan kepada Tanah Melayu dan beberapa lokasi tertentu.

Dalam usaha ini, ia telah memecah belahkan masyarakat Melayu di Alam Melayu. Asas yang diletakkan ini kemudiannya diteruskan oleh pentadbir British lain seperti Winstedt, Wilkison, Swethenam, Linelhan, Hugh Clifford dan ramai lagi. Bagi Abdul Rahman Embong, konsep nation state tajaan British berasaskan semangat asabiyah sempit kepada sesuatu negeri dan kawasan yang tertentu mengantikan semangat perpaduan ummah Islam (Embong, 2000: 34-43). Dasar ini lebih merupakan usaha untuk memecah belahkan perpaduan umat Melayu di rantau ini agar ianya tidak menjadi ancaman kepada kuasa penjajah Barat (Abdul Rahim, 2003: 47-74).

Terpenting sekali, mereka tidak mahu orang Melayu terpengaruh dengan ideologi Islam luar negara yang bakal menjejaskan kuasa mereka di Tanah Melayu. Atas dasar itu, dua perkara ataupun dasar telah diperkenalkan;

- i. Memandang serius institusi ibadat haji kerana memang terbukti ibadat haji bakal melahirkan semangat anti penjajah. Untuk itu, British seperti mana Belanda di indonesia telah mengetatkan syarat orang melayu pergi mengerjakan ibadat haji.
- ii. Memusuhi mana-mana kerajaan Islam yang menyeru kearah perpaduan ummah melayu-Islam. Dalam kes di Alam Melayu, kerajaan Aceh telah dijadikan sasaran utama. Kerajaan Aceh telah dicop sebagai negara penganas. Mereka menyebarkan dakyah buruk bahawa Kerajaan Aceh berusaha memonopoli sumber rempah di Alam Melayu dengan menyerang dan memusnahkan ladang lada hitam di kawasan

lain. Aceh juga dikatakan suka menyerang kawasan lain untuk memperluaskan kuasa dan diikuti dengan dasar membawa balik tawanan perang ke Aceh untuk dijadikan hamba dan gundik (Smith, 2007). Para hamba telah dizalimi oleh masyarakat Aceh. Dalam masyarakat Aceh dikatakan mempunyai ramai hamba dan gundik untuk kepentingan pembesar Aceh (Mitrasing, 2011). Sarjana-pentadbir British melalui catatan pengembara asing telah menggambarkan Aceh mengamalkan sistem undang-undang hudud yang sangat zalim dan tidak berperikemanusiaan (Burhanudin, 2014: 25-58).

#### 6.4.1 Jawapan;

Sekiranya Aceh tidak mengambil langkah proaktif ini, besar kemungkinan masyarakat Alam Melayu akan menganggap perkembangan agama Kristian sebagai perkara biasa. Lebih penting lagi penjajah Portugis dicatatkan dalam sejarah sebagai bangsa yang suka menggunakan kaedah kekerasan terhadap masyarakat Islam. Selain itu, mereka juga kerap menggunakan kaedah tipu muslihat dalam penyebaran agama Kristian. Hasil usaha Aceh ini memang terbukti berjaya menghalang perkembangan agama Kristian dan mengekalkan dominasi Islam di Alam Melayu (Tisdall, 1916: 348-349).

Setelah dilakukan analisa yang lebih mendalam, ternyata usaha Aceh ini dibuat berasaskan beberapa sebab utama iaitu (Madjid, 2012: 1-17);

- i. Serangan dilakukan ke atas negeri lain adalah bertujuan menghukum negeri terbabit yang bersepakat dengan kuasa Portugis. Dakwaan tawanan ditindas adalah tidak benar kerana ramai daripada tawanan perang ini diterima menjadi warga terpenting di Aceh, contohnya Raja Iskandar Thani, Puteri Kamelia dan Tun Seri Lanang. Raja Iskandar Thani asalnya adalah anak raja Pahang yang ditawan dan dilantik menjadi pengganti Raja Iskandar Muda. Begitu juga halnya dengan Puteri Kamelia, tawanan daripada Pahang telah menjadi isteri Raja Iskandar Muda yang sah. Beliau kemudiannya bertanggungjawab menjadi penasihat di istana yang membentuk badan mesyuarat negara bagi mendengar masalah masyarakat awam. Kepentingannya terbukti dalam Hadis Maja yang digunakan di Aceh, suatu formula tentang bagaimana pemerintahan negara perlu dilakukan. Masyarakat Aceh menjadi masyarakat kosmopolitan dan sehingga kini kesannya masih dapat dilihat.
- ii. Strategi Politik Membesan yang diamalkan oleh Aceh dapat memastikan kuasa politik Alam Melayu dapat dijalankan dalam bentuk yang sistematik sesuai dengan realiti Alam Melayu. Strategi Politik Membesan yang diamalkan oleh kerajaan Aceh penuh hikmah dalam membentuk kekeluargaan yang berasaskan semangat ukhuwah Islam. Apa yang dilakukan melalui taktik ini adalah Aceh berusaha mengahwinkan raja dan keturunan raja daripada Pahang, Kedah dan Perak; sebagai kaedah untuk merapatkan hubungan atas dasar ukhuwah Islam dengan keluarga diraja negeri-negeri Melayu. Bukan hanya hubungan terjalin, malah taktik ini juga bakal meraih simpati dan sokongan daripada masyarakat awam yang sememangnya bergantung kepada keluarga diraja terbabit. Di Alam Melayu, taktik penyebaran Islam berjaya dilakukan melalui institusi perkahwinan. Ia lebih bersifat alami kerana perkahwinan akan mewujudkan dan menggabungkan dua keluarga besar yang berbeza untuk tujuan yang lebih besar, meninggikan agama Islam.

Aceh mewujudkan jalinan ukhuwah Islam sesama umat Islam Alam Melayu. Ia seperti menyediakan tapak yang kondusif untuk perkembangan Islam. Usaha Aceh memerangi kuasa penjajah Portugis dan merapatkan hubungan dengan negeri Melayu telah berjaya mewujudkan ikatan persaudaraan Melayu Islam (the Allied Malay Nationalism) berasaskan hubungan antara kerajaan Aceh, Minangkabau, Tanah Melayu dan Banjarmasin. Walaupun

kesemua lokasi ini agak besar dan jauh tetapi usaha ke arah mewujudkan perpaduan ini sentiasa dilakukan (Madjid, 2012: 1-17).

Usaha Aceh ini dianggap seperti pagar yang menjaga kawasan ummah Islam daripada pencerobohan kuasa kafir. Hal ini turut didokong dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai Lingua Franca di antara kerajaan Melayu dan lebih penting lagi ianya menjadi alat terpenting bagi perkembangan keilmuaan dan intelektual Islam pada abad ke-17 (Hadi, 2004).

Aceh mempunyai hubungan yang kuat dengan kerajaan Ottoman, menjadi pembantu melawan kuasa penjajah dan bertindak sebagai penaung kepada kapal yang membawa jemaah haji Alam Melayu (Rozali, 2014: 93-99). Hasilnya, seperti mana dijelaskan dalam catatan Abdullah Munshi, keadaan kapal jemaah haji Alam Melayu yang dahulunya penuh dengan kesulitan telah menjadi semakin baik dan terjamin. Dasar hubungan Aceh-Ottoman ini menyumbang kepada kewujudan masyarakat jawi di Haramayn (ulamak dan pelajar Melayu yang mendalami dan menyebarkan ajaran Islam) (Ayumardi, 2015: 69-87). Masyarakat jawi ini kemudiannya menyumbang kepada wujudnya jalinan intelektual antara Alam Melayu dengan Haramayn. Ia secara langsung telah mempercepatkan pemeraksanaan world-view dan keilmuaan Islam di Alam Melayu dalam bentuk yang tidak pernah terjadi sebelum ini.

## 7.0 KESIMPULAN

Sebagai rumusan akhir, beberapa perkara dapat ditonjolkan. *Pertama*, Fenomena Islamophobia yang timbul daripada faham ekstremism agama memang menjadi masalah terbesar kepada umat Islam. Ia telah mencacatkan citra Islam sebagai agama yang suci berasal daripada Tuhan pencipta Alam. Penyebab utama kepada munculnya fenomena Islamophobia ini kerana kerenah jahat media barat yang diperkukuhkan kemudiannya oleh golongan ekstremis Islam sendiri. *Kedua*, muzium besar di barat seperti British museum, muzium Volkenkunde dan Metropolitan Museum of Art New York telah memainkan peranan membersihkan citra negative Islamophobia melalui beberapa pameran galeri Islam. Hal ini telah menjadi breakthrough utama yang menyaksikan peranan muzium sebagai alat untuk membersihkan citra buruk yang dikenakan pada Islam. *Ketiga*, setakat ini pihak Muzium Negeri Pahang melalui penajaan grant penyelidikan ilmiah telah berusaha keras membersihkan citra negative Islamophobia. Hal ini dibuat dengan menyerang asas Islamophobia yang ditanam sejak awal oleh pihak colonial British di Tanah Melayu. Dirasakan bahawa apabila asas ini telah mula dicabar, maka usaha merekonstruksi sejarah Islam di Pahang yang lebih baik akan dapat dihasilkan oleh penyelidik akan datang.

## BIBLIOGRAFI

- Abd Jalal (2019). *Pengaruh British dalam Institusi Muzium di Malaysia: Kajian di Muzium Negeri Pahang*. Tesis Sarjana. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM.
- Abd Jalal, A.F. et.al (2019). Kesedaran Muzium Baru di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2 (1), 93-111.
- Abdul Jalal, A.F. et.al (2019). Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan Pahang dan Usaha Memperkasakan Pemikiran Islam di Malaysia. *Jurnal Temali*, 2 (1).
- Abdul Rahim, R.A (2011). Metodologi Disiplin Occidentalisme Alternatif: Tumpuan Khusus Terhadap Pandangan Orientalis Terhadap Hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 2.
- Abdul Rahim, R.A (2018), Penyebaran Salafi Jihadis Ke Perguruan Tinggi di Malaysia dan Dampaknya Terhadap Islamophobia, *Jurnal Analisis Sistem Pendidikan Tinggi*, Vol. 2 No. 1, 2018, h. 27-38.

- Abdul Rahim, R.A et.al. (2018). *Perkaitan Islamophobia dan Orientalisme Klasik: Satu Analisis*. Ideology, 3 (2), 62-78.
- Abdul Rahim, R.A. (2003). Analisis Sejarah Dakwah dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia. Dalam (Edit Oleh Zulkiple Abd. Ghani) *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM & Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), 47-74.
- Abdullah, A.R. (1990). *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: DBP.
- Ahmad, A.T. (2015). *Museums, History and Culture in Malaysia*, NUS Press, Singapura.
- Alias, A.W. (2018). Peranan Kurator Muzium Negeri Pahang dalam Memastikan Kelangsungan Manuskrip Hukum Kanun Pahang. *Prosiding Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018 (Persipmam)*, ATMA UKM, 215-230.
- Allen, C. (2001). Islamophobia in The Media Since September 11th. *Working Paper for a Conference on Exploring Islamophobia, Deepening Our Understanding of Islam and Muslims. 29th May 2009*, University of Westminster, London.
- Artifak Arkeologi Pulau Tioman di Muzium Pahang.
- Ayumardi, A. (2015). The Significance of Southeast Asia (The Jawah World) for Global Islamic Studies: Historical and Comparative Perspectives. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*. 8 (1), 69-87.
- Berns, S. (2015). *Sacred Entanglements: Studying Interactions Between Visitors, Objects and Religion in The Museum*. PhD thesis, University of Kent.
- Burhanudin, J. (2014). The Dutch Colonial Policy on Islam: Reading The Intellectual Journey of Snouck Hurgronje. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 52 (1), 25-58.
- Cleary, T. (2006). *The New Museum Function, Form And Politic*. Tesis Ph.D. Griffith University.
- De Eredia, E. G. (1930). The Description of Malaca. *JMBRAS*, 8 (1), 31.
- Dellios, P. (1999). *The Museum As Artifact, Made In Malaysia*. Tesis Ph.D. James Cook University of North Queensland.
- Denien, D. (2006). *International Service for Human Right's Summaries of Documents for the UN Commission on Human Rights in the 62nd Session and Human Rights Council 2nd Session on Contemporary Forms of Racism, Racial Ddiscrimination, Xenophobia and Related Intolerance*. Geneva: UNHCR.
- Dennett, D.C. (1995). *Darwin's Dangerous Idea Evolution and The Meanings of Life*, London: Penguin Books Ltd.
- Dolah, H. (1983). Struktur dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Teoritis. *SARI*, 1 (2).
- Durant, W. (1950). The Age of Faith. *The Story of Civilization IV*, New York: Simon and Schuster.
- Embong, A.R (2000). Wacana Globalisasi. *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta Atau Mangsa*, UKM: Bangi, 34-43.
- Forstrom, M.M. (2017). *Interpretation and Visitors in Two Islamic Art Etidakhibiitons*. Tesis Kedoktoran. The University of Westminster.
- Hadi, A. (2004). *Islam and State In Sumatera: A Study of Seventeenth Aceh*, Leiden: E.J.Brill.
- Harun, H. (2004). *Retorik Sains dan Teknologi di Malaysia*, DBP: Kuala Lumpur.
- Hooper-Greenhill (2000). *Museums and the Interpretation of Visual Culture*, London & New York: Routledge.
- Ilggen, L (2013). *Volkenkunde Museum and its Visitors A Case Study on the Making of the Hajj Exhibition*, Master Thesis. University of Leiden.
- Instead (2004). *Commission on British Muslims and Islamophobia*, London: Instead.
- Iqbal, N. (2015). *Mosque in the Valley: A Space for Spiritual Gathering & Cultural Learning*. Tesis Sarjana. University of Massachusetts Amhers.
- Kechot, A.S. (2012). Pendidikan Warisan di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8 (8), 35- 46.
- Kerboua, S. (2016). From Orientalismt Neo-Orientalism: Early and Contemporary Constructions of Islam and the Muslim World. *Intellectual Discourse*, 24 (1), 7–34.

- Madjid, M.D. (2012). Knitting Togetherness among The Allied Malay: Aceh-Minangkabau-The Malay Peninsula. *Tawarikh: International Journal for Historical Studies*, 4 (1), 1-17.
- Mahmoud, S.M.M. (2004). *The Value of a Collections Management Policy for Museums*. Tesis Sarjana. The Graduate Faculty of Tech University.
- Mahzar, A. (1993). *Islam Masa Depan*, Bandung: Penerbit Pustaka.
- Mederer, A.C. et.al (2019). *Evaluation of The Islamic World Gallery at the British Museum*. Retrieved from <https://digitalcommons.wpi.edu/iqp-all/5466>
- Mitrasing, I.S. (2011). *The Age of Aceh and the Evolution of Kingship 1599-1641*. Tesis Ph.D. University of Leiden.
- Mohamad Zin, S. (2013). Etnomatematik Malayonesia Kontemporer. *Seminar Serantau Etnomatematik Malayonesia II*, Pada 25 - 26 November 2013, Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam Universitas Syiah Kuala Darussalam, Banda Aceh, Indonesia.
- Naoki, S. (2001). The Malay World in Textbooks: The Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya. *Southeast Asian Studies*, 39 (2), 188-230.
- Othman, H. (2008). Conceptual Understanding of Myths and Legends in Malay History, *SARI*, 26 (1), 91-110.
- Raffles To Minto, Malacca, 12th March 1811 In Raffles, Memoir.
- Raffles To William Marsden, Ciceroa, 1st January 1815 In Raffles, Memoir.
- Raffles, "A Discourse Delivered On The 11th September, 1815" In Raffles, Memoir.
- Raffles, S.S. (1819). *Substance of a Memoir on The Administration of the Eastern Islands* (N.P:N.Pub., 1819).
- Raffles, T.S. (1930). *Memoir of the Life and Public Services of Sir Stamford Raffles*, London.
- Raffles, *The History of Java Vol. I*.
- Richmond, W.L. (1928). *The Modern Malay*, London.
- Rozali, E.A. (2014). Aceh-Ottoman Relation In Bustan A-Salatin. *Mediterranean Journal of Social Science*, 5 (29), 93-99.
- Ryan, L. (2015). *Transcending Boundaries: The Arts of Islam: Treasures From the Nassar D. Khalili Collection*. Tesis Phd. Institute for Culture and Society University of Western Sydney.
- Santoso, M.B. (2018). Prinsip Transendental dalam Seni Visual Islam. *Tasfiah*, 2 (2), 271-306.
- Smith, W.G.C. (2007). Eunuchs and Concubines in the History of Islamic Southeast Asia. *Manusya: Journal of Humanities*, Special Issue 14.
- Swettenham, F. (1895). *Malay Sketch*, Singapore.
- Tisdall, C. (1916). Ideas of Mohammedan Malaya. *The Missionary Review of The World*, XXXIV, 348-349.
- Turner, B.S. (1984). Orientalism and the Problem of Civil Society in Islam, Dlm. Hussain, A, Olson, R. & Qureshi, J. (Eds.). *Orientalism, Islam, and Islamists*, Brattleboro: Amana Books.
- Wright, A. & Reid, T.H. (1912). *The Malay Peninsula*, London.
- Yahya, M.H & Halimi, A.J. (1993). *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Zarkasyi, H.F. (2011). Tradisi Orientalisme dan Framework Studi Al-Qur'an. *Jurnal TSAQFAH*, 7 (1), 1-27.

